

JKDM Sasar Kutipan Cukai Tidak Langsung RM36 Bilion Tahun Ini
Bernama
4 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menyasar kutipan cukai tidak langsung sebanyak RM36 bilion untuk tahun ini, iaitu lebih RM3 bilion daripada kutipan tahun lalu.

Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri Khazali Ahmad berkata, beliau yakin akan mencapai jumlah itu berdasarkan kejayaan mengutip sebanyak RM33.126 bilion tahun lepas, meningkat RM0.808 bilion atau 2.5 peratus berbanding 2012.

Khazali berkata, jumlah kutipan tertinggi pada tahun lalu adalah daripada duti eksais tempatan, iaitu sebanyak RM8.39 bilion.

Bagaimanapun, katanya, jumlah itu menunjukkan penurunan sebanyak 0.2 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Pungutan cukai perkhidmatan pula sebanyak RM5.94 bilion, meningkat 6.49 peratus atau RM362.513 juta berbanding 2012.

Khazali berkata, cukai jualan tempatan dan cukai jualan import masing-masing menyumbang sebanyak RM5.626 bilion dan RM4.466 bilion kepada pendapatan negara.

"Pencapaian ini terhasil walaupun keadaan ekonomi global ketika itu begitu mencabar," katanya ketika bercakap dalam program 'Klinik Kepenggunaan' bersama Persatuan Pengguna Islam Malaysia terbitan Bernama Radio24 di sini hari ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019282>